

# RM500,000 bantu baiki rumah rakyat

**BATU PAHAT** - Seramai 34 golongan kurang berkemampuan menerima manfaat apabila RM500,000 disalurkan Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk program membaiki rumah di sekitar Parlimen Sri Gading.

Ahli Parlimennya, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, golongan berkenaan yang dibantu dalam program Gotong-Royong Perdana 2017 diharap dapat keselesaan sebagaimana orang lain, setelah kediaman masing-masing dibaiki.

Menurutnya, penerima bantuan ini adalah mereka yang terdiri daripada individu yang berdaftar dengan e-Kasih, selenggaraan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta mendapat saranan daripada pemimpin tempatan seperti ketua kampung atau penghulu.

"Dalam membaiki rumah penduduk yang tersenarai ini, ia dilaksanakan dengan konsep sukarelawan yang melibatkan anggota



**Ab Aziz memasang tingkap di sebuah rumah penerima bantuan Gotong-Royong Perdana di Kampung Tebing Tinggi.**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Ia sekali gus akan menjadikan dana yang diperuntukkan 100 peratusnya dapat digunakan untuk membeli peralatan rumah," katanya ditemui selepas meninjau kerja membaiki rumah seorang penduduk di Kampung Tebing Tinggi, di sini.

Menurut Ab Aziz yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, dalam kerja mem-

baiki rumah penerima bantuan ini, ia membabitkan penggantian bumbung, dinding, tingkap serta baik pulih tandas.

"Dalam masa sama, ada sebahagian rumah ini memerlukan pendawaian elektrik yang baru, dan kita juga akan melakukan pemeriksaan tertentu bagi mencari kerosakan lain.

"Peruntukan membaiki bagi setiap rumah adalah sekitar RM5,000 hingga RM10,000," katanya.